



siaran akhbar

diterbitkan oleh jabatan penerangan malaysia

Ucapan: ADHO
336
104/79

PEN. 1/75/ 64 (TEM)

DATUK HUSSEIN ONN LANCAR GERAKAN BUKU HIJAU NEGERI PERAK

Ucapan Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn, semasa melancarkan gerakan Buku Hijau Negeri Perak di Bilik Gerakan Negeri Perak, Ipoh pada hari Isnin 13hb. Januari 1975 pada jam 3.00 petang.

Saya mengucapkan terima kasih khasnya kepada Y.A.B. Menteri Besar atas aluan-aluannya serta taklimat yang memberi gambaran mengenai rancangan pembangunan pertanian di negeri Perak ini. Di samping itu, saya merasa amat sukacita kerana berpeluang bertemu dengan saudara-saudara sekalian dan seterusnya meresmikan Pelancaran Buku Hijau Bagi Negeri Perak ini. Seperti yang termaklum Yang Amat Berhormat, Tun Perdana Menteri telahpun melancarkan rancangan Buku Hijau di peringkat kebangsaan, pada 20hb. Disember yang lalu. Berikutan dengan ini, adalah perlu rancangan Buku Hijau ini di lancarkan pada peringkat Negeri bagi menggerakkan jentera Kerajaan serta melibatkan pegawai-pegawai yang bersangkutan pada menjayakan rancangan ini bersama-sama dengan rakyat.

Tujuan utama Rancangan Buku Hijau, menurut arahan Perdana Menteri ialah untuk memperkemas dan menggiatkan lagi perjalanan jentera Kerajaan khususnya di peringkat daerah, dengan matlamat :-

- Melipat-gandakan bahan-bahan makanan supaya mencukupi keperluan negara;
- Menambahkan pendapatan rakyat di luar bandar, sebagai usaha mengurangkan tekanan inflasi;
- Menggerakkan rakyat, wakil rakyat dan pegawai-pegawai kerajaan supaya lebih cergas melibatkan diri dalam usaha Pembangunan.

Asas tindakan Rancangan Buku Hijau ialah untuk menggunakan sepenuhnya daya dan potensi sektor luar bandar. Di samping itu, merancang pengeluaran tanaman secara terselaras untuk memperolehi faedah maksima bagi rakyat dan negara. Tenaga penggerak itu ada pada kita. Bagi Negeri Perak ini, sebahagian besarnya terletak pada saudara-saudara semua yang ada di sini.

Konsep Buku Hijau, pada hakikatnya, ialah untuk membolehkan semua penduduk khususnya diluarbandar, 'self-sufficient' dan 'self-reliance' dalam bahan-bahan makanan, terutamanya sayuran dan buah-buahan. Bila usaha ini tercapai dan setiap rakyat boleh mencukupi keperluan, tekanan inflasi akan berkurangan. Demikian juga mereka dapat mengurangkan perbelanjaan makanan. Dalam hal ini, wakil-wakil rakyat dan pegawai Kerajaan boleh memberikan pimpinan dan contoh.

Dalam hal ini, perlulah kita menghadapi masalah hidup sehari-hari dengan cara yang praktikal, mengatur sistem bekerja di samping memperkukuhkan semangat dan ikrar bagi membolehkan kita hidup berasaskan kemampuan dan kekuatan diri kita sendiri.



SIARAN AKHBAR

DI-TERBITKAN OLEH JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

(2)

Ini boleh menjamin Kekuatan Kerajaan sentiasa pada rakyat dan harapan rakyat ialah pada Kerajaan. Masanya telah sampai yang kita tidak boleh membenarkan hidup diselimuti dengan kemewahan yang palsu. Kita tidak boleh khayal dengan meletakkan harapan pada kerajaan semata-mata. Kita mesti menyedari bahawa keperluan kita seboleh-bolehnya dipenuhi dengan tenaga dan kemampuan kita sendiri. Dengan itu, saya menyeru saudara-saudara dari seluruh rakyat supaya menjadikan Rancangan Buku Hijau ini bagi memperbanyakkan bahan-bahan makanan dan ternakan bagi kegunaan sendiri dan kalau berlebihan untuk kita jualkan kepada orang lain atau tetangga kita.

Dalam pada itu saya meminta setiap gulungan khasnya wakil-wakil rakyat dan pegawai-pegawai kerajaan supaya membawa 'message' ini ke peringkat rakyat yang paling bawah supaya mereka sedar akan peranan mereka dalam gerakan ini. Di samping itu perlu juga ditegaskan bahawa dengan adanya barang-barang tanaman janganlah pula timbul harapan dari rakyat untuk mendapatkan harga yang tinggi. Perkara ini penting supaya Kerajaan tidak akan menjadi sasaran tuduhan rakyat sekiranya berlaku kurang pasaran bagi barang-barang tanaman yang berlebihan yang dikeluarkan oleh rakyat di kampung.

Walau bagaimanapun sebagai dorongan dan galakkan kepada rakyat, pihak Kerajaan akan berusaha memperbaiki sistem pemasaran hasil pertanian dengan memperkukuhkan lagi usaha FAMA dalam soal pemasaran itu. Di samping itu, Kerajaan juga berusaha mengadakan rancangan yang teratur untuk menentukan jumlah atau banyaknya tanaman yang digalakkan disatu-satu kawasan. Perancangan di peringkat daerah patutlah sensitif kepada matlamat pasaran dan menbetulkan sistennya dengan harapan supaya rakyat akan dapat menikmati nikmat dari hasil tanaman mereka itu.

Di bawah rancangan Buku Hijau adalah dimestikan bahawa tiap-tiap daerah melengkapkan rancangan Buku Hijau masing-masing dan diselesaikan tidak lewat dari akhir bulan Februari. Fakta-fakta ini sangatlah perlu untuk kita meneliti dan menentukan keperluan dan kehendak-kehendak negara. Yang demikian Jawatankuasa Tindakan Daerah hendaklah memberikan keutamaan kepada usaha menjayakan rancangan Buku Hijau ini tanpa berlengah-lengah. Disamping itu, perlulah saya menegaskan bahawa Jawatankuasa Tindakan Daerah hendaklah mengadakan mesyuarat dua kali seminggu bagi menentukan peranan dan kehendak-kehendak dari semua ejensi Kerajaan yang terlibat didalam Gerakan Buku Hijau ini. Untuk melaksanakan Buku Hijau, soal peruntukan wang bagi ejensi Pertanian tidaklah berbangkit oleh sebab Kerajaan sudah pun memberi peruntukan.

Saya yakin, yang paling utama dan mustahak bagi saudara-saudara sekalian ialah menggembeling tenaga rakyat dan memberi kesedaran yang penuh pada mereka tentang rancangan Kerajaan dan peranan mereka dalam hal ini. Kegiatan yang menyeluruh atau kolektif dalam semua usaha sangatlah perlu disamping penyeliaan yang rapi dari semua pihak yang berkenaan.

Gerakan Bumi Hijau, khasnya di Negeri Perak ini bukanlah satu perkara baru. Saya masih ingat dalam lawatan ke negeri ini pada pertengahan tahun lalu, Gerakan Bumi Hijau telahpun dilancarkan. Saya diberitahu sambutan rakyat di setengah-setengah kampung sangat baik hingga menimbulkan masalah pemasaran. Banyak sayur-sayuran telah ditanam. Ini adalah didorongkan oleh semangat yang kuat dan pimpinan yang imaginative. Masalah kurang pasaran mungkin disebabkan oleh aktiviti yang kurang diselaraskan. Dalam konteks ini, Kerajaan mahu supaya semangat rakyat dibawah Gerakan Bumi Hijau akan terus kuat. Pimpinan mesti ada. Aktiviti dari ajensi-ajensi kerajaan mestilah diselaraskan supaya hasil tanaman rakyat yang berlebihan dari keperluan mereka sehari-hari itu dapat dipasarkan. Gerakan Hijau ini mestilah diteruskan walaupun



siaran akhbar

diterbitkan oleh jabatan penerangan malaysia (3)

dalam zaman inflasi atau tidak kerana ia merupakan gerakan yang basik yang mengisi keperluan rakyat sehari-hari atau pun memenuhi kehendak mereka pada setiap masa. Kita tidak mahu melihat bahawa Gerakan Buku Hijau ini hanya berakhir apabila kita telah mula merasa nikmat atas usaha kita. Gerakan Buku Hijau patutlah diteruskan sekalipun kita menghadapi inflasi ataupun tidak kerana ini merupakan Gerakan yang basik, yang melibatkan keperluan dan kehendak rakyat sekalian.

Pemimpin-pemimpin Kerajaan dan parti patutlah menanamkan semangat dikalangan rakyat supaya mereka boleh menggunakan masa sepenuhnya dengan cara yang produktif dan kita tidak mahu melihat apa juga golongan yang menggunakan masa dengan cara yang tidak berfaedah, dengan cara yang tidak produktif. Gerakan Buku Hijau saya percaya, kalau dipatuhi dengan penuh semangat dan dedikasi akan dapat menukar sikap dan mencorakkan sistem masyarakat kita dari satu masyarakat yang kurang produktif kepada masyarakat yang benar-benar produktif yang boleh menghasilkan keperluan makanan sehari-hari.

Seperkara yang saya ingin sentuh ialah mengenai tenaga pekerja atau kakitangan. Saya sedar bahawa dalam menjayakan apa juga Rancangan Pembangunan kerajaan meletakkan tanggungjawab, khususnya di peringkat Daerah kepada pegawai Daerah dan kakitangan. Dalam hal ini, seringkali dibangkitkan masalah kekurangan kakitangan. Tetapi seperti yang ditegaskan oleh Tun Perdana Menteri, dalam menjayakan Rancangan Buku Hijau ini kekurangan kakitangan janganlah dijadikan sebab utama. Kerajaan tidak akan mengambil kakitangan baru senata-nata untuk menjayakan Rancangan Buku Hijau. Saya merasa yakin bahawa pegawai-pegawai yang ada sekarang mempunyai kemampuan dan masa yang boleh ditugaskan dan digunakan untuk menjalankan rancangan Kerajaan ini. Saya tahu pegawai sentiasa sibuk tetapi adakalanya sibuk dengan tidak menentu hala. Ini patutlah dibasmi. Kalau kita mempunyai kesedaran yang penuh, mempunyai minat dan dedikasi yang kukuh, saya percaya pegawai-pegawai kita boleh memberi sumbangan tenaga mereka dengan mengurangkan usaha yang tidak berfaedah dan sebaliknya mengutamakan usaha bagi rancangan yang berfaedah yang boleh memberi munafaat kepada rakyat dan negara. Saya yakin dengan faedah yang diambil oleh pegawai-pegawai ini dan dengan masa yang sesuai iaitu "Development of officers and time" dibawah pemimpin yang benar-benar dedikasi sudah pasti akan dapat menjayakan rancangan kita ini.

Seperkara hal yang patut saya juga nyatakan disini pegawai-pegawai diperingkat daerah khususnya janganlah menyimpan apa-apa masalah yang ada pada mereka hingga hanya disampaikan kepada ketika Menteri mengadakan lawatan atau diadakan briefing tertentu. Masalah tetap ada dan mesti ada. Tetapi penyelesaian kepada masalah ini juga ada. Oleh itu perlulah masalah yang berbangkit itu dan cari penyelesaiannya dengan cara sendiri. Dengan itu saya menaruh keyakinan kita akan dapat mengatasi kesulitan yang ada dan membantu bagi mencapai matlamat dan tujuan kita. Hanya sekiranya masalah itu tidak dapat diselesaikan pada peringkat daerah dan juga diperingkat negeri, barulah hal itu disampaikan kepada Jabatan Perdana Menteri khususnya Urusetia Rancangan Buku Hijau, di Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan dan Kemajuan Pentadbiran.

Saya perlu juga menyebutkan disini bahawa tiap-tiap daerah hendaklah mengadakan jadual mesyuarat bagi daerah mengenai rancangan Buku Hijau. Para Menteri akan menggunakan jadual ini untuk membuat lawatan mengejut ke tempat-tempat yang sesuai. Di samping itu, pihak Kerajaan mengharapkan supaya kenyataan kedudukan atau progress



SIARAN AKHBAR

DI-TERBITKAN OLEH JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

(4)

Report hendaklah sentiasa disampaikan kepada urusetia pusat dengan tujuan supaya kita dapat mengesan tentang kedudukan satu-satu daerah. Perlu saya tegaskan disini bahawa di dalam menyampaikan laporan atau progress report ini kejujuran pegawai yang berkenaan hendaklah dibuktikan secara maksima. Janganlah progress report hanya menyatakan kedudukan yang baik atau optimis sedangkan ia indah khobar dari rupa. Kegagalan tentu ada dan janganlah hendak menutup akan kegagalan kecuaian pegawai-pegawai yang berkenaan. Sikap yang berterus terang ini penting kerana kita menghadapi nasaalah negara yang perlu dihadapi dengan cara yang tegas, terus terang dan jujur.

Satu hal lagi yang perlu saya sentuh ialah mengenai permohonan tanah Kerajaan yang dikehendaki untuk tanaman-tanaman. Dalam hal ini, Menteri negeri adalah mengutamakan kepentingan orang-orang yang tidak bertanah tetapi berkesanggupan mengusahakan secara berkelompok. Hal ini penting bagi menjayakan rancangan Buku Hijau ini. Dalam padaitu pula, ada satu aspek tanah yang patut disebutkan disini. Negara bukan kekurangan tanah. Bahkan tanah sudah banyak diberi dan akan diberi kepada raayat. Pada masa ini, ada 2 juta ekar tanah yang telah diberi hak milik tetapi tidak dijayakan sepenuhnya. Saya perlu tegaskan bahawa soal penggunaan tanah adalah lebih mustahak dari soal milik tanah. Kerajaan memandang berat hal ini dan mahu melihat supaya tanah-tanah ini dihasilkan sepenuhnya.

Sebelum mengakhir ucapan ini, patut juga saya memberikan gambaran tentang keperluan bahan makanan yang diperlukan oleh negara menimbang bahawa keperluan ini sentiasa bertambah dengan bertambahnya bilangan penduduk setiap tahun dengan kadar satu pertiga juta orang setiap tahun.

- Mengenai beras, kita mahu menambahkan pengeluaran hampir-hampir 320 ribu tan setahun untuk menambahkan pengeluaran 1.3 juta tan sekarang.
- Dalam hal sayuran-sayuran pula, kita masih belum mencukupi keperluan seluruhnya sekalipun kita mengimport sayur keluar negeri khususnya Singapura. Jumlah sayur yang kita import tahun 1973 bernilai \$51 juta dan dari jumlah ini import sayur basah sahaja hampir-hampir 90 ribu tan bernilai \$30 juta. Ekspot sayur basah kita ialah 52 ribu tan bernilai \$11 juta. Artinya kita mesti menambahkan tanaman sayur.
- Mengenai buah-buahan pula, pengeluaran kita ialah kira-kira 170 ribu tan. Tetapi disebabkan oleh sikap orang-orang kita yang lebih suka kepada buah-buahan luar negeri, jumlah import buah-buahan ialah 44 ribu tan bernilai \$30 juta.
- Dalam hal ternakan, sungguhpun kita mengeluarkan telur, ayam daging yang cukup tetapi daging lembu masih kekurangan kira-kira 15% dari keperluan sepenuhnya.



SIARAN AKHBAR

DI-TERBITKAN OLEH JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

(5) PEN. 1/75/64 (TPM)

Akhir kata, saya ingin menyebutkan disini bahawa setiap usaha dalam rancangan kita tidak akan berhasil sekiranya kita tidak mempunyai sikap jujur dan analan yang kuat. Saya harap semua pihak akan menjalankan usaha memperbaiki sikap rakyat dengan harapan akan dapat membantu mereka kearah kemajuan dan keperluan sendiri yang benar-benar berhasil. Jadikan konsep Buku Hijau sebagai konsep rakyat dan saudara-saudara turut melaksanakannya.

Dengan harapan ini saya dengan sukacita-nya merasmiakan pelancaran Gerakan Buku Hijau di peringkat Negeri Perak dan seruga kita berjaya dan diberi berkat.


Terima kasih.

KUALA LUMPUR,

13hb Januari, 1975.

(dikeluarkan pada pukul 3.30 petang)

bee/





(s) 1/79/6A (1/79)

... dalam rangka...
... tidak...
... sebagai...

... dan...

Terdah...

... 1975...



No. Siri 139
No. Penerimaan 1/79